

22 JUL 2002

Mahathir-Khatami (Bergambar)

DR MAHATHIR LAKUKAN KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PRESIDEN IRAN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia.

Kunjungan tersebut berlangsung di Hotel Mandarin Oriental di mana Mohammad Khatami, isterinya, Zohreh Sadeqi dan anggota delegasi menginap.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di hotel tersebut pukul 11.30 pagi dan disambut Mohammad Khatami dan isterinya.

Pertemuan berlangsung selama 30 minit dan merupakan pembuka tirai kepada perbincangan dua hala secara rasmi antara kedua-dua negara di Putrajaya petang ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Luar Iran Dr Kamal Kharazzi, Menteri Pembangunan Luar Bandar selaku Menteri Pengiring Datuk Azmi Khalid serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar kedua-dua buah negara.

Ketika ditemui pemberita, Syed Hamid berkata pertemuan antara Dr Mahathir dan Mohammad Khatami berlangsung dalam suasana mesra dan pelbagai isu dua hala khususnya mengenai dunia Islam dibincangkan.

"Mereka membincangkan berkenaan bagaimana hendak mempertingkatkan hubungan dua hala yang akan membawa manfaat kepada dunia Islam dan bagaimana dunia Islam perlu bekerjasama untuk meningkatkan penguasaan ilmu.

"Untuk tujuan itu, kedua-dua pemimpin bersetuju negara-negara Islam mesti stabil dan ekonominya mesti berkembang," kata Syed Hamid.

Kedua-dua pemimpin turut menyentuh mengenai isu keganasan dan krisis Asia Barat yang membabitkan Palestin.

Sebelum itu, Mohammad Khatami, yang tiba semalam, diberikan sambutan rasmi negara di Medan Parlimen dalam majlis yang turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RBZ AZZ MOZ